

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]
TARIKH : 10 JUN 2015
SOALAN :

YB Dr. Ismail Bin Daut [Merbok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dengan kerjasama KPDNKK memantau produk-produk kecantikan dan kosmetik yang sedang dijual secara berleluasa, contohnya di kompleks membeli-belah. Lebih-lebih lagi produk yang diimport dari negara jiran, di mana status halal dan selamat untuk digunakan adalah amat diragui.

Tuan Yang di-Pertua,

Bahagian Perkhidmatan Farmasi (BPF), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil pelbagai pendekatan dalam usaha memantau penjualan produk kecantikan dan kosmetik di negara ini. Selain daripada pemantauan di premis-premis perniagaan, pemantauan turut dibuat di laman-laman web dan laman sosial bagi memastikan kesahihan produk yang dijual termasuklah tatacara pengiklanannya. Ini dilakukan bagi melindungi pengguna dari terjebak dan terperdaya kepada promosi-promosi dan iklan-iklan produk kecantikan yang kebanyakannya sengaja direka tanpa sebarang asas dan bukti saintifik.

Menurut Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, semua produk kosmetik perlu dinotifikasi dengan KKM terlebih dahulu sebelum ianya boleh dikilang, diimport, dibekalkan, atau dijual di Malaysia. Pengguna boleh menyemak kesahihan nombor notifikasi (NOT) bagi produk-produk kosmetik di laman sesawang www.bpfk.gov.my.

Semua produk kosmetik yang telah dinotifikasi dibenarkan untuk mempamerkan logo Halal pada produk mereka. Walaubagaimanapun, hanya logo halal dari JAKIM atau badan-badan yang diiktiraf JAKIM sahaja yang dibenarkan untuk dipamer pada produk tersebut.

Bahagian Penguatkuasa Farmasi juga menjalinkan kerjasama rapat dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Kastam Diraja Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam usaha mengekang pengimportan dan penjualan produk kecantikan dan kosmetik yang tidak bernoifikasi di dalam negara. Produk kecantikan dan kosmetik yang tidak bernoifikasi atau mengandungi bahan terlarang seperti merkuri dan hydroquinone akan dirampas dan tindakan mahkamah akan dikenakan ke atas penjual dan pembekal yang terlibat. Pada tahun 2014 sahaja, sebanyak 8,836 produk kosmetik yang tidak dinotifikasi bernilai RM 4.892 juta telah dirampas di seluruh negara samada melalui serbuan atau pemeriksaan di premis dan pintu masuk.

Selain itu, kementerian ini juga mengadakan pelbagai aktiviti dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan di kalangan pengguna. Tumpuan diberikan dalam aktiviti penyebaran maklumat dan

pendidikan kesedaran tentang kawalan, penggunaan dan penjualan ubat dan kosmetik di pasaran serta bagaimana untuk membuat pilihan yang bijak. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 1,770 aktiviti kesedaran pengguna melibatkan ceramah, pameran interaktif dan dialog telah dibuat diseluruh negara.